

# TAHAP AMALAN INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH AGAMA DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR.

*Abd.Razak Abd.Kadir  
Chin Mei Keong  
Awang Abdullah*

## Abstrak

*Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru sekolah agama dari perspektif guru. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik ke atas 82 orang guru dari sekolah rendah agama daerah Kuala Langat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran guru-guru sekolah agama adalah pada tahap yang tinggi (min=3.99). Namun demikian, masih terdapat segelintir guru yang menghadapi masalah tentang cara-cara hendak melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Masalah ini berpunca daripada ketiadaan kelengkapan peralatan yang mencukupi semasa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah akibat sumber kewangan yang terhad. Bagaimanapun, guru-guru mendapat kerjasama yang baik daripada pihak sekolah dalam melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan berkesan. Sementara itu analisis ANOVA dan ujian-t mendapati tiada perbezaan yang signifikan amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru sekolah agama berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman mengajar.*

**Kata kunci:** *Amalan inovasi, guru sekolah agama, kelayakan akademik, pengalaman mengajar*

## Pengenalan

Zimmerer dan Scarborough (2004) menjelaskan inovasi merupakan kebolehan untuk mengaplikasikan penyelesaian kreatif kepada masalah dan peluang untuk meningkatkan kesejahteraan kehidupan manusia. Kamus Dewan (2005) pula merujuk inovasi sebagai sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem atau adat dalam bentuk baru. Sufean Hussin (2002) menyatakan inovasi bermaksud pembaharuan, modifikasi, atau memperbaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu atau memenuhi cita rasa tertentu atau memenuhi pasaran tertentu. Daripada pengertian di atas dapatlah disimpulkan bahawa inovasi ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Usaha ini adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

Dalam konteks pendidikan hari ini, suatu perubahan perlu dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya lebih inovatif. Guru-guru memainkan peranan yang penting bagi menjayakan wawasan yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Guru perlu membebaskan diri daripada pemikiran lama yang membelenggu mereka. Kaedah pengajaran yang bercorak *chalk and talk* sudah tidak relevan lagi buat masa kini. Implikasi daripada inovasi pendidikan akan membangunkan

keaktiviti dan inovasi dalam kalangan murid. Matlamat untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan menghasilkan idea serta berdaya cipta yang berkualiti akan dapat dicapai.

Dalam sistem pendidikan secara berpusat yang diamalkan di Malaysia, pelaksanaan inovasi pendidikan bersifat dari atas ke bawah. Proses yang perlu dilalui untuk menyebarkan inovasi kepada penerima akan mengambil masa yang panjang. Antara halangan yang dikenal pasti wujudnya perasaan bimbang, konflik, rasa tidak tenteram dan kesukaran guru untuk mengubah amalan sedia ada kepada amalan baru. Malah ada juga halangan dari segi psikologi seperti tidak yakin dalam penggunaan alat-alat elektronik, komputer atau komunikasi yang canggih. Suasana yang berlaku ini merupakan antara faktor penghalang amalan inovasi dalam kalangan guru.

### **Pernyataan Masalah**

Guru Pendidikan Islam merupakan guru yang dipertanggungjawabkan menyampaikan pengajaran Pendidikan Islam iaitu subjek wajib di sekolah rendah dan menengah. Falsafah Pendidikan Islam menyatakan, "Pendidikan Islam adalah suatu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat". Menurut Bahagian Dakwah dan Kepimpinan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral dalam Kursus Khas Guru Pendidikan Islam Fasa 3 mendapati amat sukar menemui guru Pendidikan Islam yang mengamalkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Kurangnya penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam dikaitkan dengan kaedah pengajaran yang pasif dan tidak inovatif serta terlalu terikat dengan tradisi lama, kurangnya motivasi dalaman guru, tempoh waktu mengajar yang tidak mencukupi dan kegagalan guru Pendidikan Islam bersaing dengan perkembangan yang teramat pantas pada masa kini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

Tinjauan awal penyelidik melalui temu bual yang dijalankan bersama guru-guru sekolah agama ini mendapati walaupun tanpa latihan perguruan yang khusus dan sistematik didapati mereka telah diberi kursus pendedahan dari semasa ke semasa oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor tentang kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Pihak sekolah menyediakan komputer riba dan LCD untuk kegunaan semasa pengajaran di dalam kelas. Malah didapati juga sebahagian daripada guru-guru ini telah mempunyai komputer riba sendiri. Berdasarkan kepada keperluan memperkasakan bidang pendidikan, penyelidik berpendapat perlunya ada kajian tentang amalan inovasi dalam kalangan guru-guru di sekolah agama di daerah Kuala Langat.

### **Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru sekolah agama dari daerah Kuala Langat. Antara objektif kajian ini adalah;

1. Mengetahui tahap amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah agama.
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah agama berdasarkan faktor kelayakan akademik.
3. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah agama berdasarkan faktor pengalaman mengajar.

## **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah ini hanya digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kursus-kursus khas yang pernah diikuti oleh guru-guru sekolah agama. Data-data akan dikumpul menggunakan borang soal selidik. Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa kaedah tinjauan menerusi penggunaan soal selidik telah banyak digunakan kerana merupakan cara yang berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Soal selidik ini mengandungi item kajian penyelidik dan telah disusun secara rawak. Di samping itu, responden boleh menjawab soal selidik secara serta merta kerana kriteria kesahan dan kebolehpercayaannya adalah tinggi. Fokus kajian adalah terhadap guru-guru agama dari daerah Kuala Langat, Selangor. Data kajian adalah berdasarkan skor-skor responden terhadap item-item yang dikodkan semula.

## **Sampel Kajian**

Kajian ini melibatkan guru-guru agama dari daerah Kuala Langat seramai 82 orang. Populasi ini merupakan guru-guru dari Sekolah Agama Daerah Kuala Langat.

## **Instrumen Pengumpulan Data**

Instrumen soal selidik kajian ini terdiri daripada Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A berfokus pada latar belakang responden iaitu kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Manakala Bahagian B menilai tahap amalan inovasi dalam kalangan guru-guru sekolah agama. Soal selidik ini mempunyai 10 soalan yang merupakan pernyataan dengan skala Likert 5 point dengan tahap persetujuan mengikut skala berikut; 1 untuk Sangat Tidak Setuju, 2 untuk Tidak Setuju, 3 untuk Tidak Pasti, 4 untuk Setuju dan 5 untuk Sangat Setuju.

Pengkaji akan mengedarkan satu set borang soal selidik kepada setiap responden. Muhammad, Abdullah, Basiron, Jasmi, Noor, dan Shakib, (2005). berpendapat bahawa pemilihan kaedah ini amat sesuai digunakan, praktikal, berkesan dan menjimatkan masa. Dengan cara membuat kod, data dapat ditukar kepada simbol angka yang boleh dihitungkan. Dengan adanya soal selidik ini juga penyelidik lebih yakin untuk menjalankan kajian kerana :

1. Pengkaji dapat berhubung terus dengan responden
2. Pengkaji berasa yakin bahawa data dan maklumat yang diperolehi melalui kaedah ini adalah lebih tepat kerana responden dapat memberi tindakbalas yang baik terhadap aspek yang ditinjau.
3. Soal selidik ini mudah dijawab kerana jawapan telah pun diberikan.
4. Menjimatkan masa, tenaga dan perbelanjaan pengkaji.

## **Analisis Data**

Data telah dianalisis secara kuantitatif untuk mengenal pasti tahap amalan inovasi dalam kalangan guru-guru di sekolah agama Daerah Kuala Langat.

## **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

## Taburan responden

Taburan responden adalah seperti yang tertera pada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

### *Taburan Responden Guru-Guru Sekolah Agama Daerah Kuala Langat*

Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus
Kelulusan Akademik	SPM	19	23.2%
	STPM/STAM	17	20.7%
	Diploma	33	40.2%
	Ijazah	13	15.9%
Pengalaman Mengajar	1 - 5 tahun	78	95.1%
	6 - 10 tahun	4	4.9%
	melebihi 10 tahun	0	0.0%

## Tahap Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Agama

Jadual 2 item pengamalan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah oleh guru-guru sekolah agama ini didapati bahawa kesemua item berada pada tahap yang tinggi iaitu memperoleh skor min tertinggi melebihi 3.66, kecuali item pertama dan item kedua yang masing-masing mempunyai skor min pada tahap sederhana iaitu 3.65 dan juga 3.59. Kedua-dua item yang mencapai skor min pada tahap sederhana tersebut adalah "Saya menggunakan program *power point* semasa pengajaran di dalam kelas" (min = 3.65) dan "Saya menggunakan peralatan teknologi semasa pengajaran di dalam kelas" (min=3.59). Manakala purata min keseluruhan bagi semua item pengetahuan guru terhadap inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah 3.99.

Jadual 2

*Taburan Analisis Item Pengamalan Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Oleh Guru-Guru Sekolah Agama, Mengikut Peratus (%) dan Min.*

Bil	Item	Persetujuan Responden					Min
		STS %	TS %	TP %	S %	SS %	
1.	Saya menggunakan program <i>power point</i> semasa pengajaran di dalam kelas	6.1	14.6	8.5	50.0	20.7	3.65
2.	Saya menggunakan peralatan teknologi semasa pengajaran di dalam kelas	6.1	9.8	13.4	61.0	9.8	3.59
3.	Saya menggunakan peralatan multimedia semasa pengajaran di dalam kelas	3.7	12.2	12.2	56.1	15.9	3.68
4.	Saya membina set induksi semasa pengajaran di dalam kelas	1.2	2.4	9.8	48.8	37.8	4.20
5.	Saya mengamalkan kaedah pengajaran berpusatkan bahan semasa pengajaran di dalam kelas	1.2	2.4	11.0	53.7	31.7	4.12
6.	Saya mengamalkan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar semasa pengajaran di dalam kelas	1.2	2.4	8.5	63.4	24.4	4.07
7.	Saya mengamalkan kaedah pengajaran Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) semasa pengajaran di dalam kelas.	1.2	4.9	34.1	46.3	13.4	3.66
8.	Saya memasukkan unsur kemahiran berfikir semasa pengajaran di dalam kelas	1.2	0	6.1	56.1	36.6	4.27
9.	Saya mengamalkan budaya ilmu semasa pengajaran di dalam kelas	0	0	6.1	56.1	37.8	4.32
10.	Saya menyusun strategi pengajaran sebelum masuk ke kelas	0	1.2	4.9	57.3	36.6	4.29
Min Keseluruhan							3.99

**Perbezaan Tahap Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Agama Berdasarkan Kelayakan Akademik**

Jadual 3 memaparkan analisis bagi subskala tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama berdasarkan kelayakan akademik iaitu SPM, STPM, Diploma, dan Ijazah.

Jadual 3

*ANOVA Bagi Tahap Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru ANOVA Bagi Tahap Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Agama Berdasarkan Kelayakan Akademik*

Sumber Variasi	dk	JKD	MKD	F	Sig.
Antara Kumpulan	3	88.606	29.535	1.202	.315
Dalam Kumpulan	78	1916.333	24.568		
Jumlah	81	2004.939			

N=82.

Hasil daripada analisis varians bagi tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama berdasarkan kelayakan akademik ( $F=1.202$ ,  $p>.05$ ), maka ujian *post hoc* selanjutnya tidak perlu dijalankan.

### **Perbezaan Tahap Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Agama Berdasarkan Pengalaman Mengajar**

Jadual 4 memaparkan analisis bagi subskala tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama berdasarkan pengalaman mengajar iaitu (1-5 tahun) dan (6-10 tahun).

Jadual 4

*Analisis Ujian T Bagi Tahap Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Agama Berdasarkan Pengalaman Mengajar*

Konstruk	Kategori	N	Min	Sisihan Piawai	t	dk	P
Pengalaman Mengajar	1-5 Tahun	78	39.83	5.02			
	6-10 Tahun	4	40.00	4.55	-0.06	80	.883

N=82.

Penganalisan data dengan ujian t tidak bersandar telah digunakan untuk membandingkan skor amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min skor amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun (Min=40.00, SP=4.55) adalah lebih tinggi daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1-5 tahun (Min=39.83, SP=5.02). Ini bermakna guru yang mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun mempunyai amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran yang lebih tinggi berbanding dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1-5 tahun. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perbezaan tersebut adalah tidak signifikan kerana nilai  $t = -0.06$ ,  $p > .05$ .

### **Perbincangan dan Implikasi**

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru sekolah agama dari perspektif guru. Perbincangan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang telah diperoleh. Perbincangan ini telah dibahagikan pada beberapa bahagian mengikut persoalan kajian untuk memudahkan penerangan.

Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa pengamalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah agama berada pada tahap yang tinggi dengan skor min sebanyak 3.99. Ini adalah kerana kesemua item kebanyakannya mendapat persetujuan daripada responden dan memberi makna responden mengamalkan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan baik.

Bagi item kesembilan iaitu guru mengamalkan budaya ilmu semasa pengajaran di dalam kelas adalah mempunyai skor min yang paling tinggi (min = 4.32). Bagi menangani perubahan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, guru perlu menguasai teknologi yang sentiasa berubah di samping meningkatkan lagi ilmu pengetahuan. Guru perlu mengamalkan budaya ilmu seperti budaya membaca, budaya berfikir dan budaya menulis

dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Sharil et al (1999), melalui amalan dan penghayatan budaya ilmu, guru dapat menjadi teladan kepada para pelajar mereka. Tanpa pembinaan ilmu dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran, matlamat yang disasarkan agak sukar dicapai.

Item kesepuluh pula iaitu guru menyusun strategi pengajaran sebelum masuk ke kelas mencatatkan skor min yang kedua tinggi (min=4.29). Menurut Yahaya (2006), pendidikan adalah proses dan aktiviti yang bertujuan membawa perubahan kepada seseorang. Pada zaman moden ini, guru adalah bertanggungjawab untuk memberi pendidikan dan menghasilkan perubahan tingkah laku ke atas diri murid-murid. Guru harus memahami idea perubahan dengan sempurna dan menyusun strategi yang rapi untuk memastikan perubahan dilaksanakan dengan jayanya. Kenyataan ini selari dengan pendapat Hamdan, Hanipah dan Saprin (2004) mengatakan bahawa dengan adanya penyusunan strategi terlebih dahulu sebelum pengajaran dan pembelajaran. Amalan ini akan membolehkan seseorang guru itu memastikan setiap objektif pengajaran tercapai, guru lebih bersedia dengan kaedah-kaedah, bahan rujukan, aktiviti-aktiviti pelajar dan guru juga dapat membuat jadual masa yang cukup bagi tempoh isi pengajarannya.

Bagi item-item lain, dikatakan responden telah memasukkan unsur kemahiran berfikir semasa pengajaran di dalam kelas supaya pelajar berdikari sendiri berfikir untuk mencari maklumat tanpa bantuan guru. Selain itu, responden juga membina set induksi pada awal isi pelajaran supaya dapat menarik perhatian pelajar untuk memahami tajuk yang akan diajar. Kebanyakan responden mengamalkan kaedah pengajaran berpusatkan bahan, kaedah pengajaran berpusatkan pelajar, dan kaedah pengajaran Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL). Kaedah-kaedah sebegini dijangka akan memberi kesan yang lebih baik dan dapat memotivasikan pelajar untuk belajar.

Namun demikian, dapatan kajian bagi item pertama mendapati bahawa responden menggunakan program *power point* semasa pengajaran di dalam kelas berada pada tahap yang sederhana (min = 3.65). Sementara itu, item kedua mempunyai min paling rendah (min = 3.59) iaitu responden tidak menggunakan peralatan teknologi semasa pengajaran di dalam kelas. Keadaan tersebut dapat dijelaskan dengan pengurusan kewangan sekolah-sekolah agama yang kurang memuaskan. Keadaan ini menyebabkan penyediaan peralatan teknologi amat terbatas. Shahrin (2006) menyatakan bahawa aspek pengurusan institusi pendidikan mestilah cekap dan efektif. Lembaga pengelola mestilah mampu menyelesaikan segala masalah yang timbul dengan pantas dan berkesan. Namun situasi yang berlaku dalam kajian lepas yang telah dijalankan mendapati bahawa kebanyakan sekolah agama kerja-kerja mengutip yuran, membuat pembayaran, dan menyediakan akaun sekolah diserahkan bulat-bulat kepada kerani kewangan, atau bendahari yang dilantik. Ini adalah kerana kebanyakan guru besar kurang mahir dengan kerja-kerja pengurusan dan perakaunan sekolah (Hasan Langgulung, 1991).

Sementara itu, dapatan kajian juga mendapati tiada perbezaan yang signifikan amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman bekerja. Maka, dapatlah dirumuskan bahawa faktor kelayakan akademik dan faktor pengalaman mengajar bukan merupakan faktor utama yang membezakan amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama. Ini bermakna amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran guru sekolah agama sama ada berkecayaan SPM, STPM, Diploma, dan Ijazah sama-sama mencatatkan skor min yang lebih kurang sama. Begitu juga bagi guru sekolah agama yang mempunyai pengalaman mengajar yang berbeza sama ada (1-5 tahun) dan (6-10 tahun) turut mencatatkan min skor yang lebih kurang sama bagi amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **Kesimpulan**

Usaha membangunkan pendidikan Islam melalui institusi sekolah agama amatlah mencabar. Perubahan yang bersesuaian dengan keadaan semasa perlu berlaku dalam keadaan yang positif agar tidak terjejas ketulenan pendidikan Islam yang sedia ada. Bagi melahirkan modal insan yang mempunyai tahap spiritual yang tinggi memerlukan penerapan inovasi dari akar umbi yang bermula dari institusi pendidikan itu sendiri. Oleh itu, melalui inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama dapat mendorong dan melatih pemikiran pelajar menjadi modal insan yang lebih kreatif dan inovatif. Dengan ini, pembelajaran yang mengaplikasikan elemen inovasi yang dirangka dan dilaksanakan dengan terancang oleh pendidik dapat mengembangkan potensi, pembangunan minda, pemikiran kreatif, dan inovatif pelajar. Stail dan pendekatan yang menarik, menyeronokkan dan bebas daripada tekanan dan kebimbangan dapat membantu penerapan elemen inovasi dengan lebih mudah. Kaedah-kaedah inovasi dapat mencorakkan suasana belajar dan meningkatkan pencapaian positif pelajar tentang sesuatu yang dipelajari.

Kesimpulannya, penjaanaan insan berkualiti tinggi adalah bersumberkan kepada modal insan yang kreatif dan inovatif dalam menjayakan anjakan terhadap pembangunan yang pesat. Oleh itu institusi pendidikan dan guru sekolah agama terutamanya mempunyai peranan yang sangat penting dalam meningkatkan penggunaan elemen inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan modal insan kelas pertama ke arah melahirkan modal insan yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara.

### Rujukan

- Bahagian Dakwah Dan Kepimpinan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2005). *Kursus Khas Guru Pendidikan Islam Fasa 3*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Hamdan, Hanipah & Saprin. (2004). *Teknik mengajar dewasa panduan untuk jurulatih*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Hasan Langgulong. (1991). *Pendidikan islam menghadapi abad ke-21*. Shah Alam: Pustaka Hizbi
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad, A., Abdullah, A. H., Basiron, B., Jasmi, K. A., Noor, M., & Shakib, S. (2005). *The mastery of religious based secondary school student on the education of arabic rhetoric*.
- Mohd Najib Abdul Ghafar.(1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia* Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Shahrim Ahmad. (2006). *Pendidikan islam bersepadu masa kini: cabaran dan pengukuhan*. Risalah Pemimpin 7. Jimmedia.
- Sharil @ Charil Marzuki & Habib Mat Som.(1999). *Isu pendidikan di Malaysia, sorotan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin. (2002). Inovasi pendidikan:Ulasan teoritikal dan model aplikasinya. *Dasar pendidikan progresif: Perspektif makro dan mikro*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Yahaya, A. (2006). Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: teori, analisis & interpretasi data. PTS Professional.

Zimmerer, T. W. & Scarborough, N. M. (2004). *Essentials of entrepreneurship and small business management*. (4<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.